



## **SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)**

**30 DISEMBER 2019**

---

### **OPS BAU - JABATAN ALAM SEKITAR PERIKSA 106 KILANG DAN BENGKEL DI SELANGOR, NEGERI SEMBILAN KESAN INDIVIDU TERLIBAT**

---

30 Disember 2019, Putrajaya - Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus giat menjalankan penguatkuasaan bagi mengenalpasti pelaku yang telah menyebabkan pencemaran bau serta menjelaskan kualiti bekalan air kepada pengguna di sekitar Lembah Klang dalam dua kes berasingan yang berlaku baru-baru ini.

Bagi kes pertama yang berlaku pada 21 Disember 2019, JAS telah menjalankan siasatan sejurus menerima aduan penutupan loji rawatan air Sungai Semenyih. Siasatan telah dijalankan bersama dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).

Manakala pada kes kedua yang berlaku pada 25 Disember 2019 pula, JAS telah menjalankan siasatan bersama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sembilan sebaik sahaja menerima aduan berkenaan penemuan sisa buangan terjadual di tebing Sungai Belihoi, Mantin, Negeri Sembilan.

Tindakan awal membersihkan kawasan tebing Sungai Belihoi, Mantin telah dilaksanakan bagi mencegah risiko kepada Sungai Linggi yang

menjadi salah satu punca utama bekalan air mentah di kawasan Seremban.

Operasi pembersihan kawasan telah bermula pada 25 Disember 2019 sehingga 26 Disember 2019 dengan kerjasama pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Majlis Perbandaran Nilai (MPN), Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan (JPSNS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Agensi Pertahanan Awam Malaysia (APM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), SPAN dan NADMA. Dianggarkan sebanyak 50 metrik tan sisa tanah tercemar dengan buangan terjadual telah dihantar ke Kualiti Alam Sdn. Bhd. untuk pelupusan.

JAS telah mengambil sampel sisa buangan terjadual di kedua-dua lokasi kejadian dan sampel air di Sungai Belihoi, Mantin serta menghantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisis.

JAS memandang serius akan kejadian pelupusan haram buangan terjadual ini. OPS BAU sedang giat dilaksanakan dengan menjalankan pemeriksaan ke atas kilang-kilang bagi mengenalpasti, menjelaki, dan menangkap pelaku yang tidak bertanggungjawab ini.

Operasi ini telah bermula pada 23 Disember 2019 dan akan diteruskan. Sehingga 30 Disember 2019, tindakan penguatkuasaan terhadap kilang-kilang adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Bilangan
1	Bilangan pemeriksaan	106
2	Bilangan kompaun yang dikenakan	36
3	Bilangan notis arahan yang dikeluarkan	17
4	Bilangan kilang yang disita	1

Kes disiasat di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan jika sabit kesalahan akan didenda tidak lebih RM500,000 dan dipenjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan boleh berhubung dengan JAS di talian 1800 88 2727.

Pemberi maklumat akan di beri ganjaran di bawah Seksyen 48B, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 sehingga tertangkapnya pelaku ini dan pemberi maklumat diberi perlindungan di bawah Seksyen 50A, Akta yang sama.

- Tamat -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Sharudin Rosli  
Pegawai Perhubungan Awam  
Jabatan Alam Sekitar, MESTECC  
Tel: 012-3023864